

11/12/1998

PM umum dividen, bonus ASB 10.5 peratus

KUALA LUMPUR, Khamis - Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan dividen dan bonus 10.5 peratus bagi pelaburan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sepanjang tahun ini, turun satu peratus berbanding 11.5 peratus pada 1997.

Pemberian pulangan atas pelaburan itu meliputi 8 peratus dividen dan 2.5 peratus `bonus kesetiaan', yang dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan untuk tempoh sembilan tahun berturut-turut (1990-1998).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan keuntungan skim itu berkata, pemberian bonus kesetiaan sebagai penghargaan PNB kepada pelabur jangka panjang yang terus mengekalkan pelaburan mereka dalam ASB sejak ia diwujudkan pada 1990.

Ucapan Perdana Menteri dibacakan oleh Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

ASB memperuntukkan RM2.727 bilion untuk membayar dividen dan bonus berkenaan tahun ini, menurun 15.36 peratus berbanding peruntukan tahun lalu. Pada 1997, ASB membayar dividen 10.25 peratus dan bonus 1.25 peratus membabitkan RM3.2 bilion.

Dr Mahathir berkata, PNB berpendapat jumlah dividen dan bonus bagi skim ASB tahun ini berpatutan bagi jenis pelaburan jangka panjang dan mempunyai risiko yang sangat rendah.

"Pembayaran dividen dan bonus ini adalah satu pulangan menarik selepas mengambil kira keadaan pasaran semasa dan pulangan yang ditawarkan oleh skim pelaburan lain," katanya.

Bagi 1998, ASB memperolehi pendapatan 37.28 peratus daripada dividen, 60.48 peratus daripada keuntungan jualan balik pelaburan dan bakinya daripada sumber pendapatan lain.

Kira-kira 90 peratus daripada dana skim ASB dilaburkan dalam ekuiti manakala selebihnya dalam bentuk lain termasuk pelaburan dalam pasaran saham.

Perdana Menteri berharap pelabur akan mengekal dan terus menambah pelaburan kerana skim itu adalah tabungan pelaburan jangka panjang yang stabil dan menguntungkan.

"Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa PNB akan sentiasa memastikan kepentingan pelaburan masyarakat Bumiputera dalam skim ASB dengan menguruskan pelaburan mereka sebaik-baiknya, demi mengukuhkan kepentingan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat," katanya.

Bagi tujuan pengiraan dividen dan bonus, semua urusan niaga bagi skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan ASB ditangguhkan di semua ejen, pejabat cawangan dan ibu pejabat ASNB mulai 16 Disember 1998 hingga 1 Januari 1999.

Urus niaga kedua-dua skim itu akan dilaksanakan seperti biasa mulai 2 Januari 1999. Bagaimanapun, skim Amanah Saham Wawasan 2020 boleh dilakukan seperti biasa dan tidak tertakluk kepada penangguhan itu.

PNB berkata, pelabur akan menerima baucar dividen serta laporan pengurus pada Februari tahun depan. Bagi memastikan penerima dokumen, pelabur dinasihatkan menyemak dan mengemas kini alamat masing-masing.

(END)